



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA SYARAT DAN KRITERIA ASAS PROGRAM REKALIBRASI TENAGA KERJA 2.0

Senarai semak permohonan Program RTK 2.0

Pertama:-

- Sebagai rujukan semasa urusan verifikasi, sila pastikan anda membawa dokumen asal bagi setiap salinan dokumen yang diperlukan.
- Borang dan salinan dokumen sokongan hendaklah dijilidkan dengan kemas menggunakan **comb binding** mengikut susunan senarai semak di bawah.

Kedua:-

Syarat wakil syarikat/majikan (sekiranya wakil hadir ke pejabat JIM):

- Terdiri dari peringkat pengurusan syarikat/Koperasi (Eksekutif dan ke atas sahaja);
- Nama tersenarai dalam Penyata Caruman KWSP yang lengkap (3 Bulan terkini berturutan);
- Mengemukakan Kad Pengenalan wakil;
- Mengemukakan Surat Perwakilan dari majikan (ditandatangani oleh Pengarah atau majikan tersenarai berdasarkan senarai pengarah-pengarah syarikat dalam profil syarikat atau pemilik perniagaan yang terkini); dan
- Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang berlesen sahaja dibenarkan berurusan bersama majikan (Salinan lesen C APS) disertakan.

DOKUMEN WAJIB

1.	<p>Dokumen-dokumen yang mempunyai salinan diakui sah secara digital (<i>Digital Certified True Copy</i>) Dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Sijil Pemerbadanan Syarikat (Borang 9 dibawah AS1965 / Seksyen 17 di bawah AS2016) atau Sijil Pendaftaran Perniagaan di bawah Akta Perniagaan 1956; b) Borang 49 di bawah AS 1965 / Seksyen 58 di bawah Akta Syarikat 2016 (AS 2016); c) Borang Maklumat Pendaftaran Syarikat (Borang 49,24,13 di bawah AS1965 / Seksyen 14 di bawah AS2016); dan d) Profil Syarikat atau Profil Perniagaan. <p>ATAU Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Koperasi Malayisa (SKM) dan senarai nama Ahli Lembaga Pengarah (Terkini dan disahkan oleh SKM)</p>
2.	<p>Dokumen Wakil Syarikat (jika berkaitan);</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kad Pengenalan wakil (asal dan salinan); dan b) Surat Perwakilan dari majikan (ditandatangani oleh Pengarah atau majikan tersenarai berdasarkan senarai pengarah-pengarah syarikat dalam profil syarikat atau pemilik perniagaan yang terkini)
3.	<p>Penyata Caruman KWSP bagi tiga (3) bulan terkini disahkan oleh pihak KWSP</p>
4.	<p>Laporan Kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun semasa atau setahun sebelumnya ATAU Akaun Pengurusan (Kunci Kira-Kira dan Penyata Untung Rugi) yang disahkan benar (certified correct/certified true) oleh Juruaudit yang bertauliah dan berdaftar dengan Malaysian Institute of Accountants (MIA) @ Audit Firms (AF) sahaja) bagi Pemilikan Tunggal/Perkongsian/Enterprise.</p>
5.	<p>Penyata bank syarikat tiga (3) bulan terkini dan berturutan ATAU Salinan penyata bank yang dicetak secara online hendaklah DISAHKAN OLEH PIHAK BANK (Syarikat pemilikan tunggal/Perkongsian/Enterprise – Akaun simpanan/ Semasa pemilik)</p>
6.	<p>Pasport Asal dan Salinan Pasport Pekerja (termasuk bukti Pas dan cop dalam Pasport tersebut). Tempoh sah laku Pasport sekurangngnya 18 Bulan.</p>

DOKUMEN TAMBAHAN MENGIKUT SEKTOR**i. Sektor Perkilangan**

1.	Lesen PBT atau Lesen/Kebenaran Agensi yang menyatakan aktiviti syarikat. Contoh: merujuk kepada aktiviti pemprosesan, pembuatan, kejuruteraan, percetakan, kilang, pembungkusan dan perusahaan.
2.	Lesen Pengilang MITI (bagi syarikat yang memiliki modal berbayar melebihi RM 2.5 juta (sekiranya berkaitan)
3.	Lesen MPOB bagi kilang kelapa sawit atau Lesen daripada Jabatan Perhutanan bagi kilang berasaskan produk perkayuan (sekiranya berkaitan)
4.	Gambar hadapan dan dalam premis yang jelas, terang dan berwarna (termasuk papan tanda nama syarikat)
5.	Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetemkan bagi premis yang disewa atau perjanjian jualbeli dan salinan Geran Pemilik bagi premis yang dibeli
6.	Borang 24 – Return of Allortment of Shares
7.	Borang 32a – Form of Transfer of Securities

ii. Sektor Pembinaan

1.	Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah laku
2.	Letter Of Award / Kontrak Kerja yang masih lagi dalam tempoh pembinaan.

iii. Sektor Pertanian

1.	Geran Tanah bagi pengusaha yang mengusahakan tanah /ladang/kebun untuk individu/syarikat/koperasi
2.	Perjanjian Sewa Pajak tanah/ladang/kebun yang melebihi 3 tahun yang telah disetemkan dan Salinan Geran Pemilik Tanah yang disahkan oleh Pejabat Tanah and Galian /Sijil Carian Rasmi
3.	Pendaftaran / Lesen yang berkaitan Sistem Kultur Laut / Ternakan Ayam / Itik / Burung (Unggas) / Ternak Khinzir/ Burung Walet/ Rumah Sembelihan Swasta daripada Negeri / Daerah
4.	Surat sokongan dan / atau Laporan Penilaian original daripada Jabatan Pertanian / Perkhidmatan Veterinar / Perikanan daripada Negeri / Daerah bagi pengusaha yang menjalankan aktiviti tanaman / ternakan / akuakultur/ burung walet / rumah sembelihan di tanah milik Kerajaan / Persendirian
5.	Surat Kebenaran daripada Pejabat Tanah dan Galian (Jika Berkenaan)

iv. Sektor Perladangan

1.	Geran Tanah bagi pengusaha yang mengusahakan tanah /ladang/kebun untuk individu/syarikat/koperasi
2.	Perjanjian Sewa Pajak tanah/ladang/kebun yang melebihi 3 tahun yang telah disetemkan (bagi tanah yang disewa pajak)
3.	Salinan Geran Pemilik Tanah yang disahkan (tidak melebihi 1 tahun) oleh Pejabat Tanah Dan Galian / Sijil Carian Rasmi yang terkini (bagi tanah yang disewa pajak)
4.	Surat kebenaran / kelulusan dari Pejabat Tanah dan Galian (jika berkenaan)
5.	Lesen Operasi yang sah daripada agensi seperti berikut; <ol style="list-style-type: none"> i. Sawit - Lesen Malaysian Palm Oil Board (MPOB) ii. Getah - Lesen Lembaga Getah Malaysia (LGM) iii. Koko – Lembaga Koko Malaysia (LKM) iv. Lain-lain lesen yang berkaitan bagi aktiviti perladangan yang dijalankan.
6.	Ringkasan Penyata Lot Tanah

v. Sektor Perlombongan dan Pengkuarian

1.	Surat Pengesahan daripada Jabatan Mineral dan Geosains
2.	Surat Kelulusan Skim Kuari (SKSK)/Permit 4B/4C/Lesen Kecil Hutan
3.	Lesen Operasi Kuari (Perlis dan Pulau Pinang)
4.	Pajakan Kuari (QL)/Pemilikan Tanah/Lesen Pendudukan Sementara (TOL)
5.	Surat Ikaran Perjanjian dengan Pemilik/Operasi/Kontraktor yang masih berkuatkuasa dan dicop
6.	Carta Alir

vi. Sektor Pengawal Keselamatan (Warganegara Nepal)

1.	<ul style="list-style-type: none">• Perlu Daftar Pekerja dalam Portal RTK 2.0;• Proses Verifikasi PATI di Bahagian Penguatkuasa JIM; Dan• Rujuk kepada Bahagian Keselamatan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk kelulusan kuota RTK 2.0.
----	--

vii. Sub-Sektor Perkhidmatan

1.	Restoran	Lesen Perniagaan dari PBT yang masih sah laku
		Gambar hadapan dan dalam premis termasuk papan tanda syarikat
		Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetemkan bagi premis yang disewa ATAU Perjanjian Jual Beli dan Salinan Geran Pemilik bagi premis yang dibeli
		Menu hidangan yang lengkap

2.	Pembersihan & Pencucian	Lesen Perniagaan dari PBT yang masih sah laku
		Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetemkan bagi premis yang disewa ATAU Perjanjian Jual Beli dan Salinan Geran Pemilik bagi premis yang dibeli
		Gambar hadapan dan dalam premis termasuk papan tanda syarikat
		<i>Memorandum and Articles (M&A) syarikat</i>
		<i>Letter Of Award / Kontrak Kerja</i> yang masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya 1 tahun dan dimatikan setem mengikut nilai kontrak

3.	Borong & Runcit	<ul style="list-style-type: none"> • Lesen Perniagaan dari PBT yang masih sah laku; • Salinan SSM
		<p>Dibenarkan kepada Pasaraya Besar (<i>Hypermarket</i>), Pasaraya (<i>Supermarket</i>), Pasar Mini dan Kedai Runcit;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pengedaran (<i>Distribution Centre</i>)
		Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetemkan bagi premis yang disewa ATAU Perjanjian Jual Beli dan Salinan Geran Pemilik bagi premis yang dibeli
		<ul style="list-style-type: none"> • Gambar hadapan dan dalam premis termasuk papan tanda syarikat dan cawangan jika ada; • Lesen borong bagi barang kawalan berjadual / lesen runcit bagi barang kawalan berjadual

4.	Pengendalian Kargo	Surat sokongan dari Pihak Berkuasa Pelabuhan / Lapangan Terbang
		Dokumen kelulusan Pengendalian / Surat Tawaran Kerja / Surat Penggajian (Contoh: Invois , Kontrak) – Pelabuhan
		<p>Surat Setuju Terima (SST) yang diberikan dari mana-mana lima (5) Agensi Pihak Berkuasa yang dilantik (Kargo- Lapangan Terbang) seperti berikut:</p> <p>(a) Aero Darat Services Sdn. Bhd (b) Pos Aviation Sdn. Bhd. (c) MAB Kargo Sdn. Bhd. (d) Mlindo Airways Sdn. Bhd. (e) Ground Team Red Sdn. Bhd</p>

5.	SPA	Lesen Perniagaan dari PBT yang masih sah laku
		Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetemkan bagi premis yang disewa ATAU Perjanjian Jual Beli dan Salinan Geran Pemilik bagi premis yang dibeli
		Gambar hadapan dan dalam premis yang jelas, terang dan berwarna serta gambar aktiviti perniagaan (termasuk papan tanda syarikat)
		Sijil Pengelasan Pusat Urutan Spa
		Surat Keahlian/Sijil oleh Persatuan SPA Malaysia (AMPSPA)/Persatuan Kesihatan dan SPA Malaysia (MAWPSA)

6.	Premis Kesejahteraan dan Urutan	Lesen Perniagaan dari PBT yang masih sah laku
		Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetemkan bagi premis yang disewa ATAU Perjanjian Jual Beli dan Salinan Geran Pemilik bagi premis yang dibeli
		Gambar hadapan dan dalam premis yang jelas, terang dan berwarna serta gambar aktiviti perniagaan (termasuk papan tanda syarikat)
		Sijil Pengelasan Premis Kesejahteraan dan Urutan

7.	Kedi (Lelaki)	Lesen Perniagaan dari PBT yang masih sah laku
		Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetemkan bagi premis yang disewa ATAU Perjanjian Jual Beli dan Salinan Geran Pemilik bagi premis yang dibeli
		Gambar hadapan dan dalam premis yang jelas, terang dan berwarna serta gambar aktiviti perniagaan (termasuk papan tanda syarikat)
		Dokumen pengesahan dari Akademi Kemahiran Belia Golf

8.	Hotel	Lesen Perniagaan dari PBT yang masih sah laku
		Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetemkan bagi premis yang disewa ATAU Perjanjian Jual Beli dan Salinan Geran Pemilik bagi premis yang dibeli
		Gambar hadapan dan dalam premis yang jelas, terang dan berwarna serta gambar aktiviti perniagaan (termasuk papan tanda syarikat)
		Sijil Pengelasan Bintang
		Surat Keahlian / Sijil oleh: <ul style="list-style-type: none"> a) Persatuan Hotel Malaysia (MAH); atau b) Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO); atau c) Persatuan Hotel Bajet dan Bisnes Malaysia (MyBHA)

9.	Resort di Pulau Peranginan	Lesen Perniagaan dari PBT yang masih sah laku
		Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetemkan bagi premis yang disewa ATAU Perjanjian Jual Beli dan Salinan Geran Pemilik bagi premis yang dibeli
		Gambar hadapan dan dalam premis yang jelas, terang dan berwarna serta gambar aktiviti perniagaan (termasuk papan tanda syarikat)
		Sijil Pengelasan Resort Peranginan

10.	Dobi	Lesen Perniagaan dari PBT yang masih sah laku
		Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetemkan bagi premis yang disewa ATAU Perjanjian Jual Beli dan Salinan Geran Pemilik bagi premis yang dibeli
		Gambar hadapan dan dalam premis yang jelas, terang dan berwarna serta gambar aktiviti perniagaan (termasuk papan tanda syarikat)
		Dibenarkan kedai Dobi (<i>Onsite Operation Laundry</i>), Dobi Komersil dan Dobi Industri sahaja
		Kedai Dobi Layan Diri (Coin Laundry) tidak dibenarkan.
		Kontrak Kerja Dobi

11.	Barangan Logam/Lusuh	Lesen Perniagaan dari PBT yang masih sah laku; dan Lesen yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang masih sah laku.
		Perjanjian Sewa Pajak melebihi 3 tahun yang disetemkan bagi premis yang disewa ATAU Perjanjian Jual Beli dan Salinan Geran Pemilik bagi premis yang dibeli
		Gambar hadapan dan dalam premis yang jelas, terang dan berwarna serta gambar aktiviti perniagaan (termasuk papan tanda syarikat)

12.	Gudang Darat	Perjanjian Sewa Pajak yang disetemkan (bagi premis yang disewa) – jumlah keluasan melebihi 2,500 persegi
		Perjanjian Sewa Pajak yang disetemkan (bagi premis yang dibeli) – jumlah keluasan melebihi 2,500 persegi
		Salinan Geran Pemilik (bagi premis yang dibeli) – jumlah keluasan mestilah melebihi 2,500 persegi



**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
SOALAN – SOALAN LAZIM
PROGRAM REKALIBRASI TENAGA KERJA (RTK) 2.0**

1. Apakah itu Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0?

Program Rekalibrasi Tenaga Kerja merupakan suatu program khas untuk meregularisasikan PATI di negara ini sebagai pekerja asing yang sah digajikan oleh majikan yang layak tertakluk kepada syarat-syarat ketat yang diputuskan oleh Kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

2. Siapakah yang layak menyertai Program ini?

KELAYAKAN MAJIKAN	
i.	Hanya majikan daripada sektor Perkilangan, Pembinaan, Pertanian, Perladangan, Perlombongan & Pengkuarian, Pengawal Keselamatan (warganegara Nepal (lelaki), Pembantu Rumah Asing (PRA) dan Perkhidmatan;
ii.	Sub Sektor Perkhidmatan seperti - Restoran, Pembersihan & Pencucian, Borong & Runcit, Pengendalian Kargo, SPA, Premis Kesejahteraan dan Urutan, Kedi (Lelaki), Hotel, Resort di Pulau Peranginan, Dobi, Logam/Barang Lusuh dan Gudang Darat;
iii.	Sektor Beku (Tidak Dibenarkan) – Perniagaan Tekstil, Tukang Emas, Tukang Gunting Rambut, Rumah Kebajikan dan Kitar Semula;

- iv. Tertakluk kepada kelulusan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) (Pengawal Keselamatan);
- v. Pematuhan kepada syarat-syarat penggajian pekerja asing sedia ada seperti warganegara, jantina, had umur, bayaran levi, kelayakan pas dan sebagainya; DAN
- vi. Tidak berada dalam Senarai Disyaki dan Senarai Hitam;

KELAYAKAN PATI

Terbuka kepada warga asing seperti berikut:

- i. Hanya 15 negara sumber **SAHAJA** (Indonesia, Bangladesh, Thailand, India, Filipina, Kemboja, Laos, Nepal, Myanmar, Sri Lanka, Vietnam, Pakistan, Turkmenistan, Uzbekistan dan Kazakhstan);
- ii. PATI yang telah melakukan kesalahan sebelum atau pada **31 Disember 2022** seperti dibawah:
- iii. Seksyen 6(1)(c) iaitu masuk dan tinggal di negara ini tanpa mempunyai pas yang sah di bawah Akta Imigresen 1959/63;
- iv. Seksyen 15(1)(c) iaitu tinggal lebih masa di bawah Akta Imigresen 1959/63;
- v. Peraturan 39(b) iaitu melanggar syarat pas di bawah Peraturan-Peraturan Imigresen, 1963;
- vi. PATI yang telah mendaftar di bawah Program *Rehiring* serta 6P dan telah tamat tempoh PLKS layak memohon;
- vii. PATI yang mempunyai dokumen perjalanan (Pasport) negara asal yang masih sah laku melebihi 18 bulan;
- viii. Tidak berada dalam Senarai Disyaki dan Senarai Hitam;

- ix. Kelayakan umur adalah 18 ke atas tertakluk kepada saringan pemeriksaan kesihatan (FOMEMA) (***Fit To Work***);
- x. Pekerja yang telah mencukupi tempoh bekerja perlu dihantar pulang melalui Memo Periksa Keluar (C.O.M) ke negara asal;

3. Berapakah kos yang perlu dibayar bagi program ini?

KADAR BAYARAN		
Wang Cagaran	Fi Rekalibrasi	Lain-lain bayaran
TIADA Wang Cagaran dikenakan	RM 1,500.00 setiap pekerja asing	a. Pemeriksaan FOMEMA; b. Levi; Sektor Perkilangan, Pembinaan, Perlombongan & Pengkuarian, Pengawal Keselamatan, dan Perkhidmatan; RM 1,850.00 i. Sektor Perladangan dan Pertanian RM 640.00 c. PLKS RM 60.00; d. Proses RM 125.00; dan e. Visa (mengikut warganegara)

Kaedah pembayaran adalah secara e-payment online melalui Portal RTK 2.0.

(<https://imigresen-online.imi.gov.my/myimms/main>)

Pembayaran secara **TUNAI** tidak diterima.

4. Bilakah jangka masa / tempoh Program ini dilaksanakan?

Program ini dilaksanakan mulai 27 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023.

5. Adakah program ini melibatkan vendor atau pihak ketiga?

Program ini dijalankan sepenuhnya oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN).

6. Adakah pelaksanaan Program ini merangkumi negeri Sabah dan Sarawak?

Program ini dilaksanakan di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan SAHAJA.

7. Adakah terdapat sektor tertentu yang menghadkan pekerja asing daripada negara sumber untuk menyertai Program ini?

- Pekerja Lelaki dari negara **Filipina** dibenarkan untuk bekerja di semua sektor dan **pekerja wanita** hanya **untuk pembantu rumah sahaja**;
- Pekerja dari negara Nepal dibenarkan bekerja untuk semua sektor termasuk sektor Kawalan Keselamatan (**sebagai Pengawal Keselamatan**).

8. Adakah Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang berlesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) dibenarkan berurusan dalam Program RTK 2.0 ini?

Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang berlesen C di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) dibenarkan untuk menguruskan permohonan bagi pihak majikan namun perlu hadir bersama ke Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi semua urusan seperti pengambilan biometrik untuk proses verifikasi dan sebagainya.

9. Bagaimana untuk menyertai Program ini?

Majikan boleh mendapatkan maklumat mengenai Program Rekalibrasi Tenaga Kerja 2.0 dengan mendaftar melalui pautan <https://imigresen-online.imi.gov.my/rtk/main>.

10. Verifikasi PATI

JIM akan menghubungi majikan untuk hadir bersama PATI ke Bahagian Penguatkuasa JIM melalui Sistem Temujanji Online (STO) bagi urusan saringan biometrik PATI. Surat pengesahan verifikasi PATI akan dikeluarkan kepada PATI dan majikan setelah selesai proses saringan.

11. Sektor Pembinaan

Manakala untuk kontraktor sektor pembinaan boleh memilih menggunakan perkhidmatan pihak *Construction Labour Exchange Centre Berhad (CLAB)* melalui rekab2@clab.com.my atau dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk menyertai Program RTK2.0

12. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya majikan mempunyai lebih PATI?

Majikan boleh mengambil tindakan seperti berikut:

- Untuk Sektor Pembinaan sahaja majikan perlu menyerahkan PATI kepada pihak CLAB untuk tindakan lanjut; **ATAU**
- Majikan boleh menghantar pulang PATI dengan merujuk kepada Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen Malaysia.

- 13. Apakah yang perlu dilakukan majikan jika terdapat permasalahan semasa membuat pendaftaran PATI melalui Portal RTK 2.0?**

Majikan boleh membuat pertanyaan secara atas talian melalui portal Sistem Pertanyaan Online (SPO) dan capaian web <https://eapp.imi.gov.my/> atau hadir terus ke Jabatan Imigresen Malaysia bagi semakan lanjut.

- 14. Sila rujuk kepada Syarat dan Kriteria Asas bagi Program Rekalibrasi Tenaga Kerja 2.0 sebelum membuat pendaftaran di Portal RTK 2.0.**

- 15. Majikan dinasihatkan agar tidak cuba memperolehi Pas Lawatan (Kerja Sementara) untuk pekerja secara membuat kenyataan palsu, Permohonan akan DIBATALKAN dan tindakan PROSIDING MAHKAMAH akan ambil dibawah peruntukan Akta Imigresen 1959/63.**

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

PROSES PROGRAM REKALIBRASI TENAGA KERJA (RTK) 2.0 (PELBAGAI SEKTOR)

